

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI KHAMIS, 12 MAC 2026, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 13**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1551-L15757  
**Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah penilaian Kementerian terhadap pencapaian Malaysia setakat ini berhubung sasaran Net Zero 2050, dan apakah langkah konkrit yang sedang dan akan dilaksanakan bagi memastikan sasaran pengurangan intensiti gas rumah kaca sebanyak 45 peratus menjelang 2030 serta mencapai sifar bersih menjelang 2050 dapat direalisasikan.
  
2. PN-1551-L15786  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan mengapakah penyeludupan e-sisa masih berleluasa di pelabuhan negara walaupun pelbagai penguatkuasaan telah diumumkan dan siapakah pihak yang perlu dipertanggungjawabkan atas kegagalan mengekang kemasukan e-sisa haram serta apakah indikator prestasi utama yang digunakan bagi mengukur kejayaan penguatkuasaan terhadap penyeludupan e-sisa.
  
3. PN-1551-L16110  
**Senator Dr. Jufitri bin Joha** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik jumlah bekas isteri yang telah mendapat manfaat dari Bahagian Sokongan Keluarga (2020-2025) yang diwujudkan Kerajaan bagi memastikan perintah nafkah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dipatuhi dan dilaksanakan bekas suami/bapa kepada bekas isteri/anak-anak.

4. PN-1551-L15530

**Senator Tuan Niran Tan Kran** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah pengusaha pelancongan komuniti dalam kalangan Bumiputera Siam yang telah memohon dan menerima insentif promosi desa setakat ini; dan
- (b) apakah peluang-peluang untuk komuniti Bumiputera Siam mendapatkan manfaat daripada inisiatif ini.

5. PN-1551-L16068

**Senator Dato' Wu Him Ven** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) kadar sara diri (SSR) daging khinzir pada tahun 2025 serta langkah-langkah intervensi Kerajaan dalam mengawal kenaikan harga daging khinzir di pasaran yang didorong oleh kenaikan kos dedak ternakan global; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan skim harga siling atau subsidi dedak khusus untuk sektor ini bagi memastikan harga kekal kompetitif dan stabil serta adakah Kerajaan sedang menjalankan kajian rintis penggunaan bahan alternatif tempatan seperti *Palm Kernel Cake* (PKC) atau *Black Soldier Fly* (BSF) secara komersial untuk industri ini bagi menstabilkan kos pengeluaran daging khinzir tempatan.

6. PN-1551-L16255

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah pegawai perubatan yang berhenti sewaktu *housemanship* antara tahun 2023 hingga 2025 dan apakah punca utama.

7. PN-1551-L15700

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sama ada penilaian terhadap pelaksanaan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) telah dijalankan, dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan akta tersebut dipatuhi serta dilaksanakan sepenuhnya.

8. PN-1551-L16383

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan kaedah penetapan harga padi semasa serta pertimbangan Kerajaan untuk menetapkan harga jaminan bagi melindungi pengeluaran dan pendapatan pesawah.

9. PN-1551-L16220  
**Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk meningkatkan kadar celik Al-Quran dan memperkasakan lagi penggunaan tulisan jawi dalam kalangan umat Islam di negara ini.
10. PN-1551-L16316  
**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan strategi Kerajaan untuk menarik pelancong berkualiti tinggi serta memastikan sektor pelancongan terus mampan sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.
11. PN-1551-L16230  
**Senator Puan Saraswathy a/p Kandasami** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah konkrit dan bersasar yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk menarik penglibatan belia dalam sektor pertanian, khususnya belia yang berminat tetapi tidak mempunyai akses kepada tanah pertanian dan modal kewangan.
12. PN-1551-L16197  
**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah klinik Kerajaan yang beroperasi di Sarawak sehingga tahun 2025 mengikut pecahan jenis dan lokasi serta perancangan Kementerian bagi penambahan klinik pada tahun 2026 untuk meningkatkan akses dan kualiti perkhidmatan kesihatan di seluruh Sarawak khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman.
13. PN-1551-L15946  
**Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tahap kebolehcapaian pembiayaan pendidikan tinggi bagi pelajar B40 dan M40 serta penambahbaikan skim pinjaman sedia ada.
14. PN-1551-L16353  
**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana pendekatan keselamatan negara boleh terus berasaskan keadilan, kemanusiaan dan hak asasi, bukan semata-mata penguatkuasaan.

15. PN-1551-L15559  
**Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperluas kerjasama antarabangsa dengan institusi di negara lain seperti Universiti Al-Azhar di Mesir, Diyanet di Turki atau badan-badan agama di Indonesia dalam pembangunan kandungan digital Islam dan teknologi patuh Syariah, serta apakah hasil yang disasarkan daripada kerjasama tersebut.
16. PN-1551-L16330  
**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan langkah inovatif Kementerian dalam usaha memupuk semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda khususnya Generasi Z melalui pemeraksanaan bahasa kebangsaan selain kempen yang telah lama dilaksanakan bagi memastikan keberkesanan mesej perpaduan selari dengan perkembangan teknologi masa kini.
17. PN-1551-L16423  
**Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk membawa lebih banyak peluang pelaburan asing ke Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.
18. PN-1551-L16053  
**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) adakah langkah Kerajaan mewajibkan mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah kepada pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) bermaksud sebagai syarat laluan kemasukan ke Universiti Awam semata-mata dan bukan sebagai satu pengiktirafan terhadap Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC); dan
  - (b) jika benar kenapa tidak dimasukkan juga mata pelajaran Rukun Negara sebagai salah satu syarat.
19. PN-1551-L16124  
**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan persediaan bagi aktiviti-aktiviti dan strategi pemasarannya dalam Kalender Acara (COE) Visit Malaysia 2026 Truly Asia khususnya di negeri Perak bagi memastikan pelancong berkualiti dapat ditarik sekali gus merancakkan ekonomi peniaga setempat.

20. PN-1551-L15718

**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan selain usaha anti-pemburuan haram, apakah rancangan konkrit Kementerian untuk mewartakan dan menjamin koridor ekologi Central Forest Spine yang dicadangkan sebagai kawasan perlindungan kekal untuk menjaga habitat Harimau Malaya yang terancam.

21. PN-1551-L15697

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk meningkatkan kefahaman, penghormatan dan penghargaan seluruh warganegara tentang kedudukan, hak dan peranan Institusi Raja-Raja dalam konteks pemerintahan Raja Berperlembagaan.

22. PN-1551-L15547

**Senator Tuan Niran Tan Kran** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah bercadang untuk melaksanakan audit data bersasar melibatkan percanggahan antara sijil kelahiran, MyKad, cip data dan rekod agama dan jika ya, apakah tempoh masa serta skop audit tersebut.

23. PN-1551-L16204

**Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan bakal diambil oleh pihak Kerajaan khususnya pihak MADA bagi mengatasi masalah sawah yang kering pada masa ini sedangkan padi masih memerlukan bekalan air yang cukup.

24. PN-1551-L16159

**Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan ke negeri Melaka bagi naik taraf jalan luar bandar dan projek jalan perhubungan desa pada 2026 dan sejauh mana projek ini dapat disegerakan.

25. PN-1551-L15811

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah projek jalan dan jambatan luar bandar di Sarawak yang tertangguh, punca kelewatan dan langkah pemulihan untuk menjamin keselamatan serta akses penduduk pedalaman; dan

- (b) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap syarikat-syarikat kontraktor yang terlibat.
26. PN-1551-L15925  
**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sasaran peningkatan hasil padi melalui pelaksanaan penanaman lima musim dalam tempoh dua tahun serta impaknya terhadap pendapatan pesawah dan tahap keterjaminan makanan negara.
27. PN-1551-L15825  
**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) tahap penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam memastikan pembangunan luar bandar Sarawak dilaksanakan secara berkesan dan menyeluruh; dan
- (b) adakah Kerajaan mempunyai perancangan jangka sederhana dan panjang bagi memastikan pembangunan luar bandar Sarawak sejajar dengan pembangunan di kawasan lain yang telah membangun.
28. PN-1551-L15584  
**Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-
- (a) apakah program pentauliahan rantai nilai agro yang dapat membantu pemprosesan tempatan serta;; dan
- (b) apakah insentif perolehan mekanisasi dan inisiatif pemilikan jentera baru bagi menambah nilai produk dan meningkatkan hasil jualan sama ada pasaran domestik atau eksport.
29. PN-1551-L15733  
**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) penjelasan dan menyenaraikan jumlah aset dan nilai wakaf yang telah didaftarkan mengikut kategori seperti institusi kesihatan, institusi pendidikan, masjid, infrastruktur dan kategori-kategori lain yang berkaitan; dan
- (b) berikan peratus nilai wakaf sedia ada berbanding nilai potensi wakaf sebenar.

30. PN-1551-L15676

**Senator Tuan Isaiah a/l D.Jacob** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) bagaimanakah pihak Kementerian mengklasifikasikan OKU mental, sama ada mereka dikategorikan sebagai OKU sepenuhnya atau sebagai pesakit yang memerlukan rawatan susulan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan kesejahteraan, perlindungan dan akses rawatan berterusan kepada golongan ini.

31. PN-1551-L16142

**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perancangan strategik Kementerian untuk menarik syarikat automotif kenderaan elektrik (EV) dari China dan Amerika Syarikat membina kemudahan pembuatan atau pemasangan di Tanjung Malim, Perak susulan dasar penetapan harga lantai RM250,000 bagi kenderaan EV CBU termasuk insentif pelaburan, pemindahan teknologi, pembangunan vendor tempatan serta peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada rakyat Malaysia.

32. PN-1551-L16094

**Senator Datuk Rosni binti Sohar** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah dan peratusan pelajar tajaan Majlis Amanah Rakyat (MARA) di luar negara yang tidak kembali ke Malaysia selepas menamatkan pengajian dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini.

33. PN-1551-L16295

**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan kajian Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) mengenai harmonisasi undang-undang Syariah dan sivil termasuk langkah-langkah untuk memperkukuh keberkesanan penguatkuasaan terhadap kesalahan di bawah Jenayah Syariah serta program intervensi sosial bagi membendung tingkah laku yang bercanggah dengan prinsip Syariah.

34. PN-1551-L15918

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah konkrit Kerajaan untuk menarik minat golongan belia dan graduan menyertai sektor pertanian dan perladangan termasuk daripada segi struktur gaji, perlindungan sosial dan peluang kerjaya jangka panjang.

35. PN-1551-L16253  
**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah jumlah permohonan Program Agropreneur NextGen yang diterima setakat ini dan apakah kriteria utama kelayakan bagi kategori *Start-Up dan Scale-UP*.
36. PN-1551-L15893  
**Senator Tuan Che Alias bin Hamid** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan sejauh mana bidang kuasa Kerajaan Negeri diambil kira dalam Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara dan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan.
37. PN-1551-L15902  
**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam membangunkan modal insan masyarakat Orang Asli melalui latihan kemahiran AI, pertanian digital dan keusahawanan teknologi termasuk perancangan penubuhan pusat inovasi komuniti dengan kerjasama universiti dan sektor swasta.
38. PN-1551-L15945  
**Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mekanisme yang ditentukan Kementerian bagi pihak universiti mengawal perjalanan penuntut universiti agar dibuat pada waktu siang sahaja.
39. PN-1551-L16076  
**Senator Datuk Rosni binti Sohar** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah status terkini rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas antara Malaysia dan Kesatuan Eropah (MEUFTA) serta apakah isu utama yang masih menghalang perjanjian tersebut daripada dimuktamadkan.
40. PN-1551-L15780  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :-
- (a) perkembangan terkini dan garis masa pembentangan Rang Undang-Undang Perubahan Iklim; dan
  - (b) bagaimana ia akan membolehkan harga karbon dan peralihan ke ekonomi rendah karbon merentasi sektor-sektor ekonomi lain.

41. PN-1551-L16298

**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan punca utama dan tindakan susulan berhubung kegagalan 14 Kementerian mencapai sasaran pelaksanaan projek pembangunan 2025 sehingga mencetuskan kebimbangan mengenai pembaziran dana awam.

42. PN-1551-L15905

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

(a) apakah status terkini pindaan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) dan bilakah jangkaan pindaan tersebut akan dibentangkan di Parlimen; dan

(b) apakah pindaan khusus yang akan dibuat ke atas Akta Orang Asli 1954 berkenaan hak ke atas tanah adat Orang Asli.

43. PN-1551-L15575

**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status Perjanjian Persefahaman yang telah ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Premier Sarawak berkenaan Perjanjian Malaysia 1963 pada 21 Mei 2025 khususnya berkaitan isu minyak dan gas.

44. PN-1551-L15926

**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah khusus yang diambil untuk menyokong penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian dan agromakanan bagi meningkatkan pengeluaran tempatan serta mengurangkan kebergantungan kepada import.

45. PN-1551-L16133

**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) sekiranya Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) mempunyai sebarang kepentingan atau pelaburan di Venezuela; dan

(b) adakah Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) bercadang menyertai syarikat-syarikat Amerika Syarikat dalam usaha mendapatkan sebahagian daripada kekayaan minyak di Venezuela.

46. PN-1551-L16162  
**Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah strategi yang berkesan bagi persediaan kapasiti pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT), Matrikulasi dan Tingkatan 6 yang bakal berganda apabila kemasukan kanak-kanak 6 tahun ke Tahun 1 2027 dan bagaimana Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menanganinya.
47. PN-1551-L16163  
**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah rakyat Malaysia yang telah melepaskan kewarganegaraan mereka sepanjang 20 tahun yang lepas; dan
  - (b) apakah pecahan kaum bagi golongan bekas warganegara ini.
48. PN-1551-L16226  
**Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk membantu naik taraf pusat-pusat pelancongan kecil luar bandar seperti pusat ekopelancongan dalam negara sesuai dengan usaha menarik perhatian sempena tahun melawat Malaysia.
49. PN-1551-L16419  
**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah permohonan kewarganegaraan oleh warga India yang telah ditolak, dibatalkan dan masih dalam pertimbangan, serta apakah sebab rasional pengasingan keputusan tersebut mengikut kategori kewarganegaraan Malaysia.
50. PN-1551-L15722  
**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah transformasi institusi berkenaan dengan pemisahan kuasa pendakwa raya dengan Peguam Negara di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan akan dibentangkan di Parlimen.
51. PN-1551-L16063  
**Senator Dato' Wu Him Ven** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :-
- (a) senarai negeri yang telah menerima pakai Prosedur Operasi Standard Perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) serta kekangan utama bagi negeri yang masih belum melaksanakannya; dan

- (b) berapakah permohonan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) bagi projek NR-REE yang telah dikemukakan oleh setiap negeri dan apakah status terkini bagi Negeri Sembilan.
52. PN-1551-L15794  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencapai sasaran pengeluaran 50,000 tan metrik daging lembu dan kadar sara diri (SSR) 18 peratus menjelang 2026 serta bagaimana Kementerian menangani kos makanan ternakan yang tinggi, isu penyakit, kekangan tanah dan kesan dasar import daging terhadap kelangsungan penternak kecil.
53. PN-1551-L16398  
**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan data terkini jumlah pesakit jantung di Sabah dengan nisbah doktor pakar dan apakah perancangan sementara yang ampuh daripada Kementerian untuk menangani masalah kekurangan doktor pakar jantung di Sabah yang sangat kritikal memandangkan Pusat Jantung Sabah pun masih belum dibangunkan.
54. PN-1551-L16123  
**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat membeli aset-aset penting untuk Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang diamanahkan untuk menjaga perairan negara dari pencerohan nelayan asing, pendatang asing tanpa izin (PATI), penyeludupan dan memelihara kedaulatan negara. Buat masa ini aset yang diguna pakai oleh APMM kebanyakannya aset lama yang diterima dari agensi Kerajaan lain serta jumlahnya amat tidak mencukupi untuk menjaga perairan negara yang begitu luas dan mencabar.
55. PN-1551-L15607  
**Senator Datuk Bobbey bin Suan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kadar penyerapan peruntukan di bawah Belanjawan 2025 bagi program pembangunan di negeri Sabah.
56. PN-1551-L15646  
**Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah status perjawatan, laluan kerjaya dan pembangunan profesional guru Tingkatan Enam akan diselaraskan jika pengambilan pelajar kini berada di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi tetapi pengambilan guru kekal di bawah Kementerian Pendidikan.

57. PN-1551-L15852

**Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai dasar menyeluruh bagi pemerkasaan warisan dan pengiktirafan masyarakat Orang Asli termasuk pertimbangan mengiktiraf Hari Orang Asli Sedunia sebagai cuti umum dan penyediaan peruntukan khusus bagi pemeliharaan serta penyelidikan warisan budaya Orang Asli.

58. PN-1551-L15567

**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan khusus yang telah diambil oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk membendung penyalahgunaan dadah di Saratok, Kabong, Belaga dan Daerah Kecil Sungai Asap susulan perkara ini dibangkitkan dalam persidangan Dewan pada Disember 2025.

59. PN-1551-L16097

**Senator Dato' Wu Him Ven** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) keberkesanan Kerangka Insentif Pelaburan Baharu (NIF) dan NIMP 2030 dalam meningkatkan perolehan tempatan oleh MNC dan GLC asing (khususnya dari China), serta kriteria pematuhan sasaran integrasi rantai bekalan tempatan sekurang-kurangnya 40% dalam tempoh tiga tahun pertama bagi mengelakkan pelaburan bersifat *enclave*; dan
- (b) mekanisme audit bebas dan sistem pemantauan yang digunakan untuk memverifikasi tuntutan *Local Content* bagi mengekang amalan *in-sourcing* (pembelian dari negara asal) yang menjejaskan kesan limpahan kepada ekosistem industri tempatan.

60. PN-1551-L16288

**Senator Puan Saraswathy a/p Kandasami** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian melalui Jabatan Warisan Negara untuk memastikan tapak Lembah Bujang didaftarkan di bawah status Warisan Dunia UNESCO, dan apakah garis masa yang dijangka bagi proses pengiktirafan tersebut.

61. PN-1551-L15611

**Senator Datuk Bobbey bin Suan** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pandangan Kerajaan terhadap gesaan untuk kajian semula pelaksanaan Seksyen 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952.

62. PN-1551-L15634

**Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah langkah pencegahan awal dan pendidikan akidah selain program kesedaran yang dilaksanakan kerajaan khususnya terhadap golongan belia dan komuniti rentan, bagi mengelakkan mereka terpengaruh dengan ajaran sesat; dan
- (b) bagaimanakah keberkesanan langkah ini diukur.

63. PN-1551-L16420

**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah sebenar komuniti India yang kini memegang status penduduk tetap berbanding mereka yang berjaya memperoleh kewarganegaraan, serta proses peralihan antara dua status ini.

64. PN-1551-L16109

**Senator Dr. Jufitri bin Joha** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh mana langkah Kerajaan bagi mendidik rakyat menghayati Dasar Kebudayaan yang telah jelas dan mantap dalam mengklasifikasikan istilah "budaya nilai tinggi" yang sepatutnya menjadi keutamaan Kementerian di dalam mempromosikannya kerana ia membantu membina sebuah masyarakat yang bertamadun.

65. PN-1551-L15865

**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kesesakan di penjara-penjara terutamanya Penjara Pengkalan Chepa yang dilaporkan sudah melebihi kapasiti sebenar.

66. PN-1551-L16044

**Senator Puan Saraswathy a/p Kandasami** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini laporan dan cadangan berhubung usaha merasionalisasikan agensi dan badan berkanun persekutuan yang bertindih fungsinya.

67. PN-1551-L16370

**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai kediaman kuarters polis di Sarawak yang telah diluluskan untuk dinaik taraf pada tahun 2026, skop kerja naik taraf yang akan dilaksanakan, serta kos bagi setiap projek tersebut.

68. PN-1551-L15725  
**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini berkaitan kajian sistem pilihan raya berkait perbandingan sistem First Past The Post dan *proportional representation* yang telah dibawa ke dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya pada tahun 2012.
69. PN-1551-L15762  
**Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan konkrit Kerajaan terhadap Kementerian atau agensi yang dikenal pasti berisiko tinggi rasuah berdasarkan audit dan laporan Ketua Audit Negara.
70. PN-1551-L15859  
**Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah sebab masyarakat Orang Asli masih dikategorikan sebagai lain-lain dalam sebahagian borang dan sistem rasmi Kerajaan dan adakah Kerajaan bercadang untuk menyemak serta menambah baik pengelasan tersebut agar lebih inklusif dan menghormati identiti masyarakat Orang Asli.
71. PN-1551-L15635  
**Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah penambahbaikan penguatkuasaan yang akan diambil terhadap Akta Pungutan Rumah Ke Rumah dan Di Jalan 1947 bagi memastikan kutipan dana awam melalui media sosial dan platform digital tidak terus disalahgunakan untuk kepentingan peribadi dan keluarga penganjur.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

- |    |                 |  |                                       |
|----|-----------------|--|---------------------------------------|
| 1. | ( D.R.33/2025 ) | Rang Undang-undang Sistem Insurans<br>Pekerjaan (Pindaan) 2025 | <b>Bacaan Kali<br/>Yang<br/>Kedua</b> |
|----|-----------------|--|---------------------------------------|

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2026</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
D.N.4/2026	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang, Majlis Mesyuarat Dewan Negara	12 Mac 2026